

**PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**  
**DARIPADA : YB. TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY**  
**KAWASAN : BACHOK**  
**TARIKH : 9 JUN 2014, ISNIN**

**SOALAN:**

**YB. TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY (BACHOK)** minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status pembinaan Jambatan Pengkalan Baru Bachok. Apakah punca berlakunya keretakan pada jambatan tersebut dan apakah pihak SPRM telah memulakan siasatan jika ada apa-apa elemen rasuah dalam pembinaan jambatan ini.

## **JAWAPAN:**

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, projek membina jambatan di Pengkalan Baru, Bachok itu ialah merujuk kepada projek membaik pulih jambatan di atas Sungai Kemasin / Pengkalan Baru di Jalan Persekutuan 211, Bachok.

Projek membaik pulih jambatan tersebut telah dimulakan pada bulan Oktober 2013 dan ia dijangka siap dalam tempoh 12 bulan (Oktober 2014). Harga kontrak terlibat ialah sebanyak RM2.1 juta. Masalah keretakan struktur jambatan tersebut telah dikesan semasa kerja-kerja pembaikan jambatan sedang dilaksanakan. Ia berpunca daripada faktor kemerosotan kekuatan konkrit dan pengaratan pada besi tetulang jambatan akibat faktor beban dan usia jambatan yang telah melebihi 40 tahun.

Pada masa kini kemajuan kerja di tapak pembinaan agak perlahan, iaitu 21% fizikal berbanding 40% jadual. Walau bagaimanapun, JKR sentiasa memantau dengan teliti dan telah mengarahkan pihak kontraktor untuk menggiatkan kerja-kerja di tapak pembinaan.

Sekian. Terima kasih.